

19/02/1997

Perdana Menteri berlepas pulang semalam

KOTA KINABALU, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Kuala Lumpur dengan pesawat khas petang tadi, selepas lawatan dua hari ke Sabah.

Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee serta anggota Kabinet negeri berada di terminal lama Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu untuk mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri.

Turut berada di lapangan terbang ialah Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud; Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi; Datuk Osu Sukam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat.

Sebelum itu, Perdana Menteri melancarkan Le Tour de Langkawi yang disertai 150 pelumba basikal terkemuka dunia di Pusat Perdagangan Sabah, di sini.

Perdana Menteri juga menerima sumbangan daripada beberapa syarikat swasta yang menaja perlumbaan berkenaan.

Pada sebelah pagi, Mahathir mengadakan pertemuan dengan pemimpin Umno negeri dan Majlis Gereja-Gereja Sabah sebelum mengunjungi Gayana Bay Resort, sebuah pusat peranginan di Pulau Gaya, dekat sini. - Bernama

(END)